

**FAKULTI SENI BINA, PERANCANGAN DAN UKUR
JABATAN SENIBINA DALAMAN**

April 2008

Adalah disyorkan bahawa projek penyelidikan ini yang disediakan

Oleh

ZULAFFENDI BIN JAMALLUDIN

bertajuk

CADANGAN MEREKABENTUK DALAMAN

PEJABAT KUMPULAN KARANGKRAF SDN. BHD

**DI LOT 25,PREMIS NO 1,JALAN RENGGAM 15/5,SEKSYEN 15,
SHAH ALAM, SELANGOR.**

diterima sebagai sebahagian daripada dari syarat untuk memperolehi
Diploma Rekabentuk Dalaman

Penyelia Laporan
Koordinator Kursus
Koordinator Program

: _____
: _____
: _____

En. Mohamad Hanif Bin Abd Wahab
Pn. Mawar Binti Masri
Prof. Madya Dr. Mohd. Sabrizaa bin Abdul Rashid

ABSTRAK

Dato' Hj. Hussamuddin bin Hj. Yaacub, merupakan pengasas dan juga pengarah urusan bagi Kumpulan Karangkraf Sdn. Bhd. (KKS). Atas hasrat beliau yang mahukan syarikat penerbitannya terkenal di rantau Asia Tenggara dan memenuhi tahap piawaian kualiti antarabangsa, serta keinginan beliau untuk memperbesarkan empayar yang sedia ada, beliau telah membeli sebuah bangunan baru. Bangunan tersebut terletak bersebelahan dengan bangunan KKS yang sedia ada kini, telah dibeli pada awal tahun 2007.

Tujuan kajian ini dilakukan, adalah untuk menganalisis projek akhir Program Diploma Rekabentuk Dalaman iaitu cadangan merekabentuk ruang dalaman pejabat yang baru bagi KKS. Pelbagai kaedah telah dibuat sepanjang melakukan proses kajian ini. Antara kajian yang dilakukan adalah, berkaitan dengan keadaan bangunan tersebut dan juga bangunan-bangunan lain yang telah dijadikan sebagai contoh dan juga kajian kes.

Antara aspek kajian yang telah dilakukan ialah kajian tapak bangunan dari struktur asas bangunan sehingga keadaan keseluruhan bangunan tersebut. Kajian keadaan pada persekitaran bangunan juga dilakukan dan dikenalpasti. Setiap permasalahan yang sedang, mungkin dan akan timbul juga telah dikaji. Rekabentuk ruang dalaman pejabat KKS yang baru, akan dibuat dalam aspek perancangan ruang, pembentukan imej dan gaya yang ingin diketengahkan berdasarkan konsep yang diutarakan serta garis panduan yang diberika.

PENGHARGAAN

Assalamualaikum w.b.t, pertamanya saya ingin panjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah dan kurnia, rahmat dan petunjuk yang diberikan telah dapat membantu saya dalam menyiapkan tugas ini dengan jayanya. Alhamdulilah saya juga dengan berbesar hati ingin mengucapkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada para pensyarah yang telah terlibat secara langsung maupun tidak dalam memberi panduan dan tunjuk ajar sehingga mencapai kejayaan pada tugas ini. Ucapan terima kasih terutamanya kepada coordinator bagi subjek THE386, Puan Mawar Binti Masri, penyelia saya, Encik Mohamad Hanif Bin Abd Wahab. Juga semua pensyarah bagi subjek IND381 iaitu, Encik Zulkarnain Bin Hazim, Encik Mohd Khedzir Bin Khamis, Encik Nordin Bin Misnat dan Puan Mawar Binti Masri kerana dengan nasihat dan panduan pada setiap langkah di dalam proses rekabentuk saya. Tidak dilupakan kepada rakan-rakan seperjuangan yang banyak membantu dan memberikan semangat. Serta kepada semua warga Program Diploma Rekabentuk Dalaman UiTM Seri Iskandar, Perak. Terima kasih juga kepada pihak klien saya iaitu Kumpulan Karangkraf Sendirian Berhad (KKSB), pihak pengurusan atasan serta para pekerja yang telah banyak memberikan kerjasama dalam memperoleh dan menyalurkan maklumat-maklumat yang diperlukan. Akhir sekali, saya ingin menyatakan kebanggaan dan terima kasih saya kepada kedua ibubapa saya iaitu Encik Jamalludin Bin Rabu dan Puan Sulasteri Binti Supar kera sentiasa berada disisi, memberikan sokongan dan dorongan yang berterusan. Harapan dan kepercayaan yang diberikan tidak akan dipersiakan. Terima kasih.

Abstrak	i
Penghargaan	iii
Isi Kandungan	v
Senarai Rajah	ix
Senarai Jadual	xiv
Senarai Singkat Kata	xv
Senarai Lampiran	
Senarai Rujukan	140

KANDUNGAN	MUKA SURAT
------------------	-------------------

BAB		
1.0	PENDAHULUAN	
1.1	PENGENALAN	2
1.1.2	PENGASAS KUMPULAN KARANGKRAF	3
1.1.3	SUMBANGAN KUMPULAN KARANGKRAF SDN. BHD	4
1.1.4	PERKHIDMATAN KARANGKRAF	5
1.1.5	PRODUK-PRODUK KARANGKRAF	6
1.2	PENGENALAN PROJEK	32
1.2.1	LATAR BELAKANG PROJEK	33
1.3	MATLAMAT PROJEK	34
1.4	OBJEKTIF PROJEK	35
1.5	ISU PROJEK	37
1.6	KAEDAH KAJIAN	38
1.7	METODOLOGI KAJIAN	39
1.8	SKOP PROJEK	40
1.9	SKOP KERJA	41
1.10	MATLAMAT PENCAPAIAN	42

1.0 PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN

Kumpulan Karangkraf Sdb. Bhd (KKS) telah ditubuhkan pada 1978 dengan penerbitan buku sulungnya Sejarah Melayu, Satu Ulasan dan Kajian. Pengasas KKS ialah Dato' Hj. Hushammuddin Bin Hj. Yaacob. Beliau merupakan pelopor kepada pasaran majalah melayu sehingga berjaya meluaskan kapasiti bagi menampung peningkatan permintaan pelanggan dan meningkatkan potensi pengeluaran.

Pengalaman yang luas selama 26 tahun di dalam bidang penerbitan telah menjadikannya salah satu gergasi penerbitan di Malaysia. Kini setelah 30 tahun, KKS telah melangkah ke depan menjadi salah satu daripada syarikat penerbitan gergasi di Malaysia yang dimiliki oleh bumiputera sepenuhnya.

Anak-anak syarikat KKS terdiri daripada Ultimate Concept Sdn. Bhd., Ultimate Print Sdn. Bhd., Media Network Sdn. Bhd., dan Alaf 21Sdn. Bhd. Setiap satu syarikat tersebut ditubuhkan khusus untuk mengendalikan sebahagian daripada proses-proses penerbitan. KKS telah menerbitkan majalah-majalah untuk pelbagai peringkat umur pembaca. Kini KKS telah menerbitkan lebih daripada 30 buah majalah.